## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT

## (Chapter 157)

# UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (BOARD OF SELECTION FOR APPOINTMENT OF TEACHERS) STATUTE, 2005

ARRANGEMENT OF SECTIONS

**Section**


**1.** Citation and commencement.

**2.** Membership of Board of Selection.

**3.** Attendance at meetings by invitation.

**4.** External assessment of candidates.

**5.** Not limited to choice of candidates.

**6.** Quorum.

**7.** Minutes of meetings.

# UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT

**(Chapter 157)**

# UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (BOARD OF SELECTION FOR APPOINTMENT OF TEACHERS) STATUTE, 2005

In exercise of the power conferred by section 26 of the Constitution of Universiti Brunei Darussalam, the Chancellor of Universiti Brunei Darussalam hereby makes the following Statute –

**Citation and commencement.**

**1.** This Statute may be cited as the Universiti Brunei Darussalam (Board of Selection for Appointment of Teachers) Statute, 2005 and shall commence on the day it is made.

**Membership of Board of Selection.**

**2.** (1) Notwithstanding the provisions of subsection (1) of section 20 of the Constitution, full-time teachers other than temporary or visiting teachers shall be appointed by the Council on the advice of a Board of Selection (hereinafter referred to as "the Board") consisting of –

*(a)* the Vice-Chancellor as Chairman;

*(b)* the Chairman of the Public Service Commission (or his representative);

*(c)* the Director General of Public Service (or his representative);

(*d*) the Dean of the Faculty concerned or Head of the Centre, School or body established under section 18;

(*e*) one member of the Council, other than the representative of the Senate or the Director General of Public Service (or his representative) appointed by the Council; and

(*f*) one member of the Senate appointed by the Senate.

(2) The Registrar and Secretary (or his representative) shall act as secretary to the Board.

(3) The member of the Council appointed under paragraph *(e)* of subsection (1) shall hold office, if qualified, for such period as the Council may determine.

(4) The member of the Senate appointed under paragraph *(f)* of subsection (1) shall hold office, if qualified, for a term not exceeding 2 years from the date of his appointment.

**Attendance at meetings by invitation.**

**3.** The Chairman may invite any person to attend a meeting of the Board provided that such person shall have no voting right.

**External assessment of candidates.**

**4.** The Board may obtain external assessment on any candidate for the post of either associate professor or professor and shall, for this purpose, appoint two or more external assessors who shall not be officers or teachers of the University.

**Not limited to choice of candidates.**

**5.** The Board shall not be limited in its choice to candidates who have responded to an advertisement notifying a vacancy when recommending a candidate for appointment.

**Quorum.**

**6.** 3 members of the Board shall constitute a quorum for any of its meetings.

**Minutes of meetings.**

**7.** Minutes of meetings of the Board shall be submitted to the Council.

Made this 13th day of Ramadhan 1426 Hijriah corresponding to the 17th day of October 2005.

**Chancellor, Universiti Brunei Darussalam.**

**AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**(Penggal 157)**

**STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**(LEMBAGA PEMILIHAN BAGI PERLANTIKAN GURU-GURU), 2005**

SUSUNAN BAB-BAB

**Bab**

**1.** Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

**2.** Keanggotaan Lembaga Pemilihan.

**3.** Kehadiran dalam mesyuarat atas jemputan.

**4.** Penilaian luar bagi calon.

**5.** Pemilihan calon tidak terhad.

**6.** Korum.

**7.** Minit-minit mesyuarat.

AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

(Penggal 157)

# STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
# (LEMBAGA PEMILIHAN BAGI PERLANTIKAN GURU-GURU), 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 26 dari Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam, maka Canselor Universiti Brunei Darussalam dengan ini membuat Statut yang berikut –

**Gelaran dan permulaan kuatkuasa.**

**1.** Statut ini boleh digelar sebagai Statut Universiti Brunei Darussalam (Lembaga Pemilihan bagi Perlantikan Guru-Guru), 2005 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Statut ini dibuat.

**Keanggotaan Lembaga Pemilihan.**

**2.** (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraian (1) bab 20 dari Perlembagaan, guru-guru sepenuh masa selain daripada guru-guru sementara atau guru-guru pelawat hendaklah dilantik oleh Majlis atas nasihat Lembaga Pemilihan (selepas ini disebut sebagai "Lembaga") yang terdiri daripada –

*(a)* Naib Canselor sebagai Pengerusi;

*(b)* Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (atau wakilnya);

*(c)* Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (atau wakilnya);

*(d)* Dekan Fakulti yang berkenaan atau Ketua Pusat, Sekolah atau badan yang ditubuhkan di bawah bab 18;

*(e)* seorang ahli Majlis, selain daripada wakil Senat atau Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (atau wakilnya) yang dilantik oleh Majlis; dan

(*f*) seorang ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(2) Pendaftar dan Setiausaha (atau wakilnya) hendaklah bertindak sebagai setiausaha kepada Lembaga.

(3) Ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan *(e)* ceraian (1) hendaklah memegang jawatan, jika layak, bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(4) Ahli Senat yang dilantik di bawah perenggan *(f)* ceraian (1) hendaklah memegang jawatan, jika layak, bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 2 tahun dari tarikh perlantikannya.

**Kehadiran dalam mesyuarat atas jemputan.**

**3.** Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri sesuatu mesyuarat Lembaga dengan syarat bahawa orang itu tidak mempunyai hak untuk mengundi.

**Penilaian luar bagi calon.**

**4.** Lembaga boleh mendapatkan penilaian luar ke atas mana-mana calon bagi jawatan profesor madya atau profesor dan hendaklah, bagi maksud ini, melantik dua orang penilai luar atau lebih yang bukan pegawai atau guru Universiti.

**Pemilihan calon tidak terhad.**

**5.** Lembaga tidaklah boleh dihadkan untuk memilih calon-calon yang telah memohon melalui iklan yang memberitahu sesuatu kekosongan jawatan apabila membuat sokongan ke atas seseorang calon untuk dilantik.

**Korum.**

**6.** 3 orang ahli Lembaga hendaklah menjadi korum bagi mana-mana mesyuarat Lembaga.

**Minit-minit mesyuarat.**

**7.** Minit-minit mesyuarat Lembaga hendaklah dikemukakan kepada Majlis.

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Ramadhan Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 17 haribulan Oktober 2005.

**Canselor, Universiti Brunei Darussalam.**